

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 [ISNIN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status secara terperinci mengenai pembangunan projek-projek perumahan Kerajaan seperti Vista Leila Idaman dan PR1MA@Sandakan City Centre yang terbiar dan adakah pembangunan terbiar tersebut dalam rancangan Kementerian untuk memulihkannya demi kebaikan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek perumahan PR1MA iaitu Residensi Sandakan City Centre yang terletak di daerah Sandakan terdiri dari 750 unit. Projek ini telah diteliti dan diperhalusi melalui Pelan Rasionalisasi PR1MA dan telah diputuskan untuk diteruskan. Peratusan kemajuan tapak di Residensi Sandakan City Centre setakat 20 September 2019 adalah 74.78%. Projek ini dijangka siap pada Mei 2020.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Pembangunan Vista Leila Idaman ini adalah salah satu projek Rumah Mampu Milik di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Semua projek-projek di bawah SPNB kini di dalam proses kajian semula termasuk projek Vista Leila Idaman. Sekian, terima kasih.